

Sorak Merdeka milik Fakulti Sains

KUMPULAN Gema Merdeka, Fakulti Sains diistiharkan sebagai Johan bagi pertandingan Sorakan Kemerdekaan Inter-PTJ sempena Program Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat UPM yang telah diadakan pada 30 Ogos 2005 di foyer Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ketika dihubungi wartawan *Tribun Putra* bagi mengetahui rahsia mencapai kemenangan tersebut, ketua kontinjen Gema Merdeka, Prof Madya Dr Sidek Hj Aziz berkata semangat berpasukan yang tinggi adalah kunci kejayaan pasukannya.

Pasukan yang terdiri daripada 30 ahli yang mewakili pegawai akademik, pegawai sokongan dan pelajar telah bersatu hati menyumbang idea kreatif dan berpadu tenaga menjayakan apa yang dirancang.

Kata Dr. Sidek lagi, sumbangan-sumbangan ide-ide yang baik dari ahli-ahli turut menjadi faktor kejayaan pasukan sorak

tersebut.

"Bayangkanlah kami hanya berlatih kurang dari 2 jam sebelum persembahan bermula, namun begitu disiplin dan keyakinan serta sikap saling menghormati di kalangan ahli dan ketua menjadi faktor kemenangan tersebut," katanya dalam nada penuh kepuasan.

Beliau dibantu oleh Nordin Ismail dari Jabatan Kimia selaku 'Sargeant Major'. Kata Nordin, "Kami terpaksa membeli banyak belon-belon di samping membuat sepanduk kemerdekaan untuk diterbangkan ke angkasa lepas bagi menggambarkan kegembiraan apabila kemerdekaan telah dicapai oleh negara kita."

Pasukan Fakulti Sains ini juga disertai pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India yang menandakan perpaduan yang terjalin erat. Laungan 'Merdeka' dan nyanyian lagu Jalur Gemilang yang diserikan letupan belon-balon oleh ahli-ahli kontinjen menghasilkan suatu persembahan



GEMBIRA ... peserta pasukan sorak merdeka Fakulti Sains kerianan selepas diumumkan johan pertandingan Sorak Merdeka.

an yang unik, kreatif dan "happening".

Jalur-jalur Gemilang pelbagai saiz telah digunakan sebagai setanjak, selempang di samping bendera yang berkibaran benar-benar telah menghasilkan satu

suasana warna-warni kemerdekaan pada malam sambutan tersebut.

Dengan kejayaan itu, Fakulti Sains menerima hadiah berupa wang tunai RM 700 yang disam-

paikan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie pada Malam Ambang Merdeka. Pemenang tempat kedua pula ialah pasukan Kolej Kelima dan ketiga dimenangi oleh Fakulti Pengajian Pendidikan.